

TEKS UCAPAN ALUAN

**Yang Berbahagia
Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA**

Sempena

**MAJLIS
PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
ANTARA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
DAN
UCSI EDUCATION SDN. BHD.
DAN
UCSI HOSPITAL SDN. BHD**

21 MAC 2023 | SELASA | 10 PAGI

USCI HOSPITAL, PORT DICKSON

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Yang Berbahagia Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Siti
Hamisah Tapsir**

Naib Canselor Universiti UCSI Sdn. Bhd

Yang Berbahagia Dato' Peter Ng Tong Se

Ketua Pegawai Eksekutif Hospital UCSI Sdn. Bhd.

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Amaluddin
Ahmad**

Pengara Perubatan Hospital UCSI Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia Dr. Gareth Peter Shalley

Pengarah Operasi Hospital UCSI Sdn. Bhd

**Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Fazah
Akhtar Hanapiah**

Dekan Fakulti Perubatan, Universiti Teknologi MARA

Barisan Pengurusan Fakulti Perubatan UiTM

**Wakil dari Hospital UCSI Sdn. Bhd dan Universiti UCSI
Sdn. Bhd**

Wakil media serta hadirin yang saya hormati sekalian.

[SALUTASI- Kemaskini berdasarkan kehadiran)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta-Ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat bersama-sama kita pada pagi ini dalam majlis pertukaran Memorandum Persefahaman antara UiTM bersama Universiti UCSI Sdn. Bhd. dan Hospital UCSI Sdn. Bhd.

2. Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada pihak Universiti UCSI Sdn. Bhd. dan Hospital UCSI Sdn. Bhd. yang telah berkerjasama dengan Fakulti Perubatan UiTM menganjurkan acara yang dapat memurnikan lagi perhubungan antara semua pihak.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Seperti sedia maklum, Universiti UCSI merupakan salah satu universiti swasta yang pertama di Malaysia dan diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

4. Manakala Hospital UCSI bukan sahaja dilengkapi dengan teknologi penjagaan perubatan terkini malah, dikendalikan oleh pakar-pakar yang berpengalaman dalam menyediakan rawatan serta penjagaan kesihatan bertaraf dunia.

5. UiTM pula ialah institusi pengajian tinggi terbesar di Malaysia yang memberikan tumpuan kepada pembangunan profesional melalui kurikulum terkini dan penyelidikan yang memberi impak.

6. Justeru, gabungan dan kerjasama ini dilihat mampu memperkasakan dan memperkuat usaha sama khusus dalam pelbagai bidang bagi kesemua pihak.

7. Salah satu matlamat kerjasama ini adalah perancangan dan pelaksanaan pelbagai program kepakaran pascasiswazah berkaitan pembedahan kardiotorasik, Kardiologi (dewasa dan pediatrik), Anestesiologi jantung, rawatan rapi, pemulihan jantung dan bidang lain yang berkaitan, bagi menambah jumlah pakar-pakar untuk negara.

8. Selain itu, kerjasama dalam pertukaran kakitangan termasuk jurutera bioperubatan, pengaturcara komputer, ahli biostatik untuk membantu pegawai kesihatan awam, ahli epidemiologi, pembedahan kardiotoraks, anestesiologi jantung dan pakar kardiologi.

9. Seterusnya kerjasama dalam projek penyelidikan yang melibatkan kakitangan, pakar serta pascasiswazah daripada kedua-dua pihak.

10. Kedua-dua pihak bersetuju untuk mewujudkan rangka kerja bersama untuk mencipta, memelihara dan menyampaikan ilmu serta menyumbang kepada kesejahteraan sosial, budaya dan ekonomi rakyat

negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Malaysia telah merdeka selama 65 tahun, justeru, pakar-pakar perubatan dan pembedahan di Malaysia telah mencapai tahap matang dan bersedia serta mampu untuk memulakan dan menjalankan program kepakaran bertahap tinggi di Malaysia.

12. Di Malaysia kini, nisbah pakar pembedahan Kardiotorasik dengan jumlah penduduk di Malaysia adalah sekitar 1:550,000, tetapi merujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, keperluan unjuran pada 10 tahun hadapan adalah sekitar 1:250,000.

13. Oleh itu, inisiatif pertama kerjasama ini memulakan program Sarjana Sains Surgeri (Kardiotorasik) dan Kedokteran Surgeri Kardiotorasik yang selaras dengan visi, misi dan matlamat untuk menghasilkan pakar bedah kardiotorasik bertaraf dunia.

14. Program ini telah mendapatkan kelulusan memulakan program dari Malaysian Qualification Agency (MQA) dan mengikut garis panduan Malaysia Qualification Framework (MQF), dan Malaysia Medical Council (MMC) sedang berjalan lancar dan juga melibatkan kerjasama antara Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Semoga melalui kerjasama ini, lebih ramai pakar bedah kardiotorasik yang berkualiti tinggi dilahirkan seterusnya meningkatkan bilangan pakar bedah kardiotorasik bagi memenuhi nisbah populasi dan permintaan negara bagi mengurangkan kadar bilangan pesakit jantung di Malaysia.

16. Saya yakin, kerjasama ini juga dapat meningkatkan lagi tahap pendidikan, penyelidikan serta kepakaran-kepakaran berkaitan kardiovaskular dan torasik.

17. Pada masa yang sama, prestasi perkhidmatan dapat ditingkatkan serta menghasilkan kepakaran berkualiti tinggi dalam bidang rawatan penyakit jantung di Malaysia.

18. Kami dipihak UiTM amat menghargai kerjasama ini dan Insyha Allah akan memastikan segala perancangan yang telah diatur akan dilaksanakan dengan sebaiknya agar memberikan manfaat kepada semua pihak seterusnya membawa kebaikan kepada agama, bangsa dan negara Malaysia.

19. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam memastikan pelaksanaan dan pelancaran majlis pada hari ini.

Terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.